



## **SIARAN MEDIA**

### **KERAJAAN NEGERI PERLIS**

#### **MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN HAKMILIK TANAH LADANG GETAH KEPADA 447 PENEROKA FELDA CHUPING, PERLIS**

---

**Chuping, 11 Oktober 2022** - Majlis Penyerahan Dokumen Hakmilik Tanah Kerajaan di Negeri Perlis merupakan program anjuran Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis dan pengurusan Felda Chuping. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis bertempat di Dewan Besar Felda Chuping, Chuping, Perlis. Majlis ini turut dihadiri oleh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) Perlis dan YBrs. Dr. Mohd Syaiful Hassan, Pengarah Jabatan Pengurusan Tanah Felda serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Perlis.

Majlis ini merupakan kesinambungan daripada penyerahan dokumen hakmilik rumah peneroka yang telah diadakan pada 25 Januari 2022 yang lalu di mana 447 peneroka pada hari ini akan lengkap menerima hakmilik rumah dan ladang yang berkeluasan 10 ekar bagi setiap peneroka selaras dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 setelah penantian 44 tahun bagi tujuan tersebut.

Kerajaan Negeri Perlis amat komited dalam memperjuangkan nasib peneroka Felda terutamanya peneroka-peneroka Felda Chuping, Perlis dan keseluruhan tanah penempatan berkelompok di bawah Felda di Negeri Perlis termasuk Felda Rimba Mas dan Felda Mata Ayer yang telah pun menerima hak milik daripada Kerajaan Negeri di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Dengan tercapainya hasrat peneroka-peneroka untuk memiliki geran ladang getah ini, diharapkan peneroka-peneroka FELDA Chuping akan

terus memanfaatkan tanah ini bagi menjana pendapatan yang lebih baik selaras dengan pelbagai projek pembangunan berimpak tinggi yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk pengukuhan ekonomi negeri dan penduduk setempat serta memberi nilai tambah kepada nilai harta tanah di kawasan Chuping.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis serta pihak pengurusan Felda akan terus membantu peneroka-peneroka Felda Chuping untuk menyelesaikan proses urusan pembahagian pusaka kecil di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan seterusnya pendaftaran perintah pusaka di dalam hakmilik.

## **KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Tarikh : 11 Oktober 2022

---

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis boleh dirujuk di portal rasmi  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis : [www.perlis.gov.my](http://www.perlis.gov.my)